

29 DEC 2001

Zainuddin-Sandiwaru

KEPUTUSAN MAHKAMAH BUKTIKAN PERISTIWA AL-MA'UNAH BUKAN SANDIWARA

SINTOK, 29 Dis (Bernama) -- Keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman mati dan penjara seumur hidup terhadap anggota Al-Ma'unah membuktikan peristiwa rampasan senjata di dua kem tentera di Gerik dan di Bukit Jenalek, Sauk bukan satu sandiwara kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin berkata keputusan mahkamah itu jelas menunjukkan bahawa peristiwa berkenaan adalah satu perancangan golongan fanatik dan ekstremis.

Katanya keputusan itu seharusnya menjadi bukti jelas kepada pihak tertentu yang pernah menuduh ia hanya sandiwara kerajaan.

"Selepas keputusan mahkamah itu, hanya orang yang tidak waras akan masih berkata bahawa peristiwa itu adalah sandiwara," katanya kepada pemberita selepas menjadi anggota panel pada majlis "Pengkisahan Kedah Negeri Pemimpin Perdana: Dari Tunku ke Dr Mahathir", anjuran Institut Kajian Darul Aman Universiti Utara Malaysia di universiti itu di sini, hari ini.

Ketua Al-Ma'unah, Mohd Amin Mohd Razali, Zahit Muslim dan Jamaludin Darus dihukum mati manakala 16 yang lain dihukum penjara seumur hidup selepas mereka didapati bersalah atas tuduhan melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Mereka dituduh melakukan perbuatan itu di Pos 2, Kilometer 19, Kuala Rhui, Lebu Raya Timur-Barat Gerik, di Batalion 304 Infantri (AW) Kem Gerik, dan di Bukit Jenalek, Kemajuan Tanah Ngor, Sauk, dari Jun hingga 6 Julai lepas.

Zainuddin berkata peristiwa berkenaan adalah satu pengajaran terbaik kepada rakyat supaya jangan memandang ringan terhadap soal keselamatan.

"Kalau soal keselamatan dianggap sebagai satu sandiwara, maka pada satu masa apabila kita menghadapi keadaan yang mencabar (dari segi keselamatan), kita tidak serius... ini berbahaya kepada negara," katanya.

-- BERNAMA

MZM NAK